



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

PENGENALAN

1. Unit Peperiksaan Perkhidmatan Awam, Cawangan Latihan dan Kompetensi, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) diwujudkan bagi membantu dalam merancang, membangun, melaksana dan menambahbaik pelaksanaan Peperiksaan Perkhidmatan Awam bagi Anggota Kumpulan Pelaksana lantikan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan bagi Gred 19.
2. Secara umumnya Peperiksaan Perkhidmatan Awam terbahagi kepada dua iaitu Subjek Umum dan Subjek Jabatan. Bagi Subjek Umum akan dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia manakala Subjek Jabatan pula dikendalikan oleh KPM.
3. Peperiksaan yang dijalankan oleh Unit Peperiksaan Perkhidmatan merangkumi lima (5) Skim Perkhidmatan dan 10 kertas peperiksaan seperti berikut:

| Bil | Skim Perkhidmatan | Kertas Peperiksaan | Bahagian |
|-----|--|---|----------|
| 1. | Pembantu Pengurusan Murid Gred N19 | Pembantu Pengurusan Murid (Asrama) | B |
| | | Pembantu Pengurusan Murid (Prasekolah) | B |
| | | Pembantu Pengurusan Murid (Pendidikan Khas) | B |
| 2. | Pembantu Makmal Gred C19 | Pembantu Makmal | B |
| | | Pembantu Makmal | C |
| 3. | Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19 | Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) | B |
| | | Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) | C |
| 4. | Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W19 | Pembantu Tadbir (Kewangan) | B |
| | | Pembantu Tadbir (Kewangan) | C |
| 5. | Penyelia Asrama Gred N19 | Penyelia Asrama | B |

4. Jadual di bawah pula menerangkan tentang struktur soalan bagi Peperiksaan Perkhidmatan Awam anjuran KPM:

| BIL | KERTAS PEPERIKSAAN | BAHAGIAN | KAEDAH PENILAIAN |
|-----|---|----------|---|
| 1. | Pembantu Pengurusan Murid (Asrama) | B | Aneka Pilihan |
| 2. | Pembantu Pengurusan Murid (Prasekolah) | | |
| 3. | Pembantu Pengurusan Murid (Pendidikan Khas) | | |
| 4. | Pembantu Makmal | | |
| 5. | Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) | | |
| 6. | Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) | | |
| 7. | Penyelia Asrama | | |
| 8. | Pembantu Makmal | C | Esei |
| 9. | Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) | | Ujian Kemahiran Automasi Pejabat (UKAP) |
| 10. | Pembantu Tadbir (Kewangan) | | |

5. Peperiksaan Perkhidmatan Awam bagi subjek jabatan ini adalah merupakan salah satu daripada syarat pengesahan dalam perkhidmatan selaras dengan Perenggan 29 (1) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 iaitu:

“Pegawai yang dalam tempoh percubaan yang telah memenuhi semua syarat yang dinyatakan dalam skim perkhidmatan atau apa-apa syarat lain yang ditentukan oleh Yang di-Pertuan Agong dari semasa ke semasa adalah layak disahkan dalam perkhidmatan oleh Suruhanjaya. Jadi penubuhan unit ini adalah bagi memastikan syarat pengesahan dalam perkhidmatan dapat dilaksanakan.”

6. Manakala berdasarkan perenggan 10(ii)(b) Pekeliling Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Bilangan 3 Tahun 2018 Tatacara Pengesahan Dalam Perkhidmatan memperuntukkan bahawa Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dalam tempoh percubaan layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah memenuhi syarat seperti berikut:

| Skim Perkhidmatan | Syarat Pengesahan Dalam Perkhidmatan |
|---|---|
| <p align="center">Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP)</p> | <p>(a) Menjalani percubaan bagi tempoh satu (1) hingga tiga (3) tahun;</p> <p>(b) Hadir dengan jaya Kursus Induksi (Modul Umum)/ PTM;</p> <p>(c) Lulus peperiksaan perkhidmatan seperti yang disyaratkan mengikut skim perkhidmatan;</p> <p>(d) Diperaku oleh Ketua Jabatan; dan</p> <p>(e) Syarat-syarat lain yang diperuntukkan dari semasa ke semasa (jika ada).</p> |

Sebarang pertanyaan berkaitan urusan peperiksaan perkhidmatan awam boleh dirujuk kepada:

Kementerian Pendidikan Malaysia
 Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
 Cawangan Latihan dan Kompetensi
 Aras 4, Blok E12, Kompleks E
 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
 (u.p.: Unit Peperiksaan Perkhidmatan)
 No. Telefon : 03- 8884 7820 /7699/7911
 Faks : 03-8884 7925
 E-mel : sisppa@moe.gov.my

Disediakan oleh:

**Unit Peperiksaan Perkhidmatan
 Cawangan Latihan dan Kompetensi
 Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
 Kementerian Pendidikan Malaysia**